

MT setuju beri bantuan kepada UMNO Sabah

KUALA LUMPUR 17 April — Majlis Tertinggi (MT) UMNO bersetuju untuk memberi bantuan kepada UMNO Sabah sama seperti bantuan yang diberikan kepada UMNO Kelantan.

Presidennya, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad, berkata, ini bermakna setiap UMNO Negeri akan menyelaraskan bahagian-bahagian tertentu di Sabah.

Menurutnya, beliau akan memaklumkan keputusan itu kepada Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri Sabah yang juga Timbalan Presiden UMNO, Encik Ghafar Baba yang tidak dapat hadir pada mesyuarat khas MT malam ini.

Bagaimanapun, kata beliau, Timbalan Pengerusi Perhubungan UMNO Sabah, Tun Datu Mustapa Datu Harun yang turut hadir pada mesyuarat itu turut bersetuju dengan keputusan tersebut.

"Kita berharap Perhubungan UMNO Negeri bekerjasama dengan bahagian-bahagian yang ditugaskan ke-

pada mereka, katanya kepada para pemberita selepas mesyuarat itu di sini.

Menurut beliau, UMNO Pusat akan memberi apa sahaja bantuan yang boleh diberi kepada UMNO Sabah, termasuk tenaga dan pengalaman.

Beliau memberitahu, MT juga bersetuju untuk merujuk kepada peguam mengenai undang-undang lompat parti di Sabah, bagi menentukan sama ada kes itu boleh dibawa ke mahkamah atau tidak.

Dr. Mahathir turut mengumumkan persetujuan MT supaya tarikh akhir pengutusan yuran keahlian parti dilanjutkan daripada 15 Mac kepada 2 Mei.

Mengenai kerajaan Kelantan hendak melaksanakan hukum hudud tidak dibincangkan dalam mesyuarat malam ini.

"Ini soal kerajaan Kelantan, dia nak ikut hukum hudud, dia boleh ikut, jangan dia tuduh kita tidak beri sudahlah," tambahnya.